

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 10 JULAI 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Anti-dengue boost	The Sun
2	Haze returning to Klang Valley	New Straits Times
3	Moderate air quality in Klang Valley	The Malay Mail
4	Angin kencang, laut bergelora berterusan hingga Ahad	Bernama.com
5	Sampel tulang ke Jabatan Kimia	Sinar Harian
6	Peniaga dihukum gantung bunuh pelancong Perancis	Bernama.com
7	Abdul Rahim dilantik pengurus baru MAVCAP	Kosmo
8	MAVCAP lantik pengurus baru	Sinar Harian

# Anti-dengue boost

> Local firm develops super larvicide

BY HAIKAL JALIL

newsdesk@thesundaily.com

**KUALA LUMPUR:** A RM5.865 million grant from the Science, Technology and Innovation Ministry has made it possible for a Malaysian company to develop a highly effective product to kill mosquito larvae.

EntoGenex Industries Sdn Bhd executive chairman Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar said the product was 200 times more effective in killing mosquito larvae compared to other larvicide.

The product named "Mousticide" comes in two forms - rice husks and powder.

He told a press conference yesterday that the rice husk larvicide will be available to the

public at RM19.90 while the powder formulation is for pest control companies.

"We have spent more than RM317 million on research and development since 1989."

He said the Trypsin Modulating Oostatic Factor (TMOF) in the product stops digestion in mosquito larvae and causes metabolic starvation and larval death.

"TMOF is non-toxic to all other organisms, including humans. It is also bio-degradable."

He said that tests in dengue

hotspots in Setapak and Gombak, and in other countries such as Ghana and the Philippines had resulted in a significant decrease of mosquito-related diseases.

He said if the product was widely used nationwide it would be possible to reduce the incidence of dengue by 90% in two years.

He said that EntoGenex is working with the ministry on a tool kit to fight dengue. "Upon its success in Malaysia, this tool kit will be introduced to other countries."

He said the company has also submitted its findings to the Health Ministry.



**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH : 10 JULAI 2014 (KHAMIS)**

## Haze returning to Klang Valley

**KUALA LUMPUR:** The haze is slowly but surely coming back, with some areas in the Klang Valley showing Air Pollutant Index readings (API) ranging from moderate to unhealthy.

Most of the API readings displayed at the Department of Environment showed air quality rising from moderate to unhealthy levels.

As of 3pm yesterday, Batu Muda recorded an unhealthy API reading of 126 while other areas in the Klang Valley and nationwide recorded good and moderate readings.

API readings in hot spots like Shah Alam recorded 88, Port Klang (86), Cheras (80), Banting (71), Kuala Selangor (79), Petaling

Jaya (76) and Putrajaya (70).

Other locations classified as moderate were Nilai (61), Kampung Air Putih, Taiping (60), SK Jalan Pegoh, Ipoh (60), Port Dickson (59), Tanjung Malim (57), Bakar Arang (Sungai Petani) (56), Bintulu (55), Kemaman (55), Seremban (54), Balok Baru, Pahang (54) and Jerantut (54).

**Malaysian Meteorological Department** commercial and corporate services director Dr Mohd Hisham Mohd Anip said the haze yesterday was a result of local activities, such as smoke from vehicles and factories, and local burning.

KERATAN AKHBAR  
THE MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 12  
TARIKH: 10 JULAI 2014 (KHAMIS)

# Moderate air quality in Klang Valley

KUALA LUMPUR — Several areas in the Klang Valley recorded moderate air quality yesterday.

Moderate Air Pollutant Index (API) readings were recorded in Port Klang (85), Shah Alam (81), Kuala Selangor (78), Banting (74), Petaling Jaya (70), and Cheras (63). Batu Muda, however, recorded a reading of 126.

An API of between 51 to 100 is considered moderate, 101-200 unhealthy, 201-300 very unhealthy, and readings above 301 are considered hazardous.

A spokesman from the Meteorological Department said the lack of wind in the areas caused emission from vehicles and smoke from open burning sites to remain stagnant.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri G. Palanivel had said last week the haze situation was under control.

He said open burning in Sumatra was the main cause of the haze.

Palanivel also said he would visit Indonesia in August or September to discuss matters related to the open burning.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JULAI 2014 (KHAMIS)**



## **Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Hingga Ahad**

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori kedua) di kawasan perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak (Miri), Sabah (Kudat dan Pantai Barat) dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Angin Barat Daya selaju 40-50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berterusan sehingga 13 Julai, menurut kenyataan jabatan itu hari ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

Bagi perkapalan, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter berlaku di kawasan perairan Phuket, Condore, Layang-layang, Reef North dan Palawan juga dijangka berterusan sehingga 13 Julai.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu adalah berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Selain itu, angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40-50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter di kawasan perairan Samui, Labuan, Selat Melaka (Utara) dan Sulu juga dijangka berterusan sehingga 13 Julai.

Pada masa yang sama, keadaan angin kencang dan laut bergelora ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA

# Sampel tulang ke Jabatan Kimia

■ NORMAWATI ADNAN

IPOH - Jabatan Perikanan Perak akan menghantar sampel tulang yang diambil dari kolam ternakan ikan air tawar di Jalan Ipoh-Batu Gajah dekat Papan, di sini, untuk mengesahkan sama ada ia tulang babi atau tidak.

Ketua Cawangan Pembangunan Akuakultur, Jabatan Perikanan Negeri, Noraizah Hashim berkata, sampel itu mula dihantar hari ini ke **Jabatan Kimia** di Petaling Jaya bagi mendapatkan pengesahan melalui ujian DNA.

Menurutnya, Perak tiada kapakanan untuk membuat ujian itu.

"Bukan semua makmal boleh menjalankan ujian bagi mengesahkan DNA babi ini. Jadi kita terpaksa hantar ke **Jabatan Kimia** di Petaling Jaya.

"Keputusan ujian mungkin diperoleh dalam tempoh tujuh hari. Sehingga itu, kita tidak boleh mengesahkan ia tulang babi. Kena tunggu laporan lengkap," katanya ketika di-



Laporan Sinar Harian, semalam.

hubungi, semalam.

Berdasarkan lawatan ke lokasi itu sebelum ini, Jabatan Perikanan tidak menolak kemungkinan serpihan tulang yang memenuhi kolam ikan seluas hampir satu hektar itu adalah rangka babi yang dijadikan makanan kepada ternakan.

Perkara itu terbongkar selepas kolam ikan yang diusahakan di tanah milik persendirian itu pecah menyebabkan timbunan tulang, diperdayai milik babi, kelihatan di dasar kolam.

Noraizah mengesahkan, kolam itu tidak berdaftar dengan jabatan tersebut.

Katanya, sehingga kini, terdapat 3,093 kolam ternakan ikan air tawar berdaftar direkodkan di seluruh Perak, sementara bagi bekas lombong yang berdaftar pula adalah sebanyak 376.

"Bagi yang berdaftar, kita sentiasa adakan pemantauan dan pemeriksaan setiap kali laporan pendaratan ikan dibuat. Ini termasuk memastikan teknikal ternakan dipatuhi, juga kebersihan dari aspek proses pemberian makanan kepada ternakan.

"Dalam kes membabitkan kolam yang tidak berdaftar ini, kita ambil masa sedikit untuk menentukan pemilik dan status sebenar operasi kolam berkenaan sebelum tindakan

diambul.

"Mengikut rekod tahun ini, tiada lagi mana-mana kolam berdaftar diarahkan tutup. Hanya ada segelintir mereka yang diberi arahan dan khidmat nasihat," katanya.

Berikut itu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zamby Abd Kadir mengarahkan jabatan berkaitan menyiasat penemuan tulang babi di dasar kolam ternakan ikan air tawar, dekat sini.

Beliau berkata, terdapat beberapa langkah yang perlu diperhalusi sebelum mengambil tindakan wajar.

"Bagi tujuan itu, kerajaan negeri arahkan pihak dipertanggungjawabkan siasat dakwaan (mengenai isu) yang sedang hangat diperkatakan. Banyak aspek perlu diambil kira sebelum tindakan diambil," katanya.

Sementara itu, Exco Perak, Datuk Mohd Nizar Zakaria meminta pihak berkaitan tidak menimbulkan provokasi berhubung penemuan itu

bagi mengelak panik dalam kalangan pengguna apatah lagi jika tiada kesihihan maklumat.

"Sesuatu isu itu perlu dipastikan kebenarannya terlebih dahulu. Ianya cukup penting supaya tidak timbul persepsi negatif," katanya.

Beliau berkata, dalam hal ini, kumpulan pengusaha yang terlibat dalam bidang perternakan juga perlu bersikap jujur terhadap produk yang dikeluarkan kepada pengguna.

Menurutnya, setiap proses yang dilalui, termasuk pemberian makanan kepada ternakan, harus mengikut prosedur.

"Mereka perlu memastikan kualiti produk ternakan atau pertanian itu dalam keadaan baik. Jika tidak, ia akan menimbulkan masalah dan akhirnya merugikan mereka sendiri."

"Ini kerana bidang berkeraan boleh menjana pertumbuhan ekonomi yang baik. Jadi kerja perternakan perlu dilakukan dengan betul," katanya.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JULAI 2014 (KHAMIS)**



## **Peniaga Dihukum Gantung Bunuh Pelancong Perancis**

KUANTAN, 9 Julai (Bernama) -- Seorang peniaga di Pulau Tioman dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini selepas didapati bersalah membunuh seorang pelancong wanita Perancis di rumahnya di pulau itu, tiga tahun lepas.

Hakim Datuk Seri Mariana Yahya menjatuhkan hukuman itu ke atas Asni Omar, 39, dari Kampung Tekek, Pulau Tioman selepas berpuas hati pembelaan tertuduh gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Asni yang bermiaga peralatan berenang di Kampung Tekek didakwa membunuh Stephanie Foray, 30, di rumah tidak bernombor di Kampung Tekek, Pulau Tioman, Rompin antara 8 malam, 10 Mei dan 12 tengah hari pada 12 Mei 2011.

Pertuduhan terhadap Asni dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori.

Dalam penghakimannya, Mariana berkata semua alasan dan penjelasan tertuduh sepanjang perbicaraan adalah penafian semata-mata dan pengakuan tertuduh di peringkat pembelaan menunjukkan bahawa tertuduh merupakan orang terakhir berada bersama mangsa iaitu pada 10 Mei 2011.

"Pandu arah yang dilakukan tertuduh ke sebuah gua berhampiran rumah tertuduh pada 8 Ogos 2011, yang mayat Stephanie Foray disembunyikan juga adalah di dalam pengetahuan tertuduh yang mengetahui tentang kematian mangsa.

"Tidak dapat disangkal lagi penglibatan tertuduh dalam kes ini apabila barang milik mangsa ditemui di dalam sebuah bilik di rumah tertuduh, percikan darah di dinding rumah tertuduh juga disahkan oleh Jabatan Kimia bahawa ia milik mangsa.

"Mahkamah mendapati keterangan tertuduh hanyalah cerita kosong yang telah disusun dengan baik untuk menunjukkan tertuduh tidak bersalah, namun penceritaan tertuduh hanya melemahkan kes pembelaan," katanya.

Pihak pendakwaan memanggil 45 saksi manakala pihak pembelaan memanggil lima saksi.

Pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Amer Abu Bakar Abdullah, Nor Azizah Mohamed, Farhah Nazari dan Salim Soib@Hamid manakala tertuduh diwakili peguam Datuk Ng See Teong, Mohd Hisham Abd Rahim dan Ibrahim Kamaruddin.

Peguam pemerhati kepada keluarga mangsa, Amy Ling memberitahu pemberita, kedua-dua ibu bapa Foray, Joel Foray dan Irene Mortel yang hadir mendengar keputusan itu menyatakan rasa lega kerana kematian anaknya akhirnya telah terbela.

KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 24  
TARIKH: 10 JULAI 2014 (KHAMIS)

## Abdul Rahim dilantik pengurus baharu MAVCAP

KUALA LUMPUR - Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) mengumumkan pelantikan Abdul Rahim Abdul Hamid (**gambar**) sebagai Pengurusnya yang baharu berkuat kuasa 1 Julai lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, pelantikan itu dibuat susulan daripada persaraan Pengurusnya sebelum ini, Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Alias.

"Sebagai Pengurus MAVCAP sejak penuhannya pada 2001, sumbangan beliau amat berharga dan kami berterima kasih kepada Abdul Samad kerana wawasan dan kepimpinannya selama ini," katanya.

MAVCAP merupakan sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan Di-perbadankan yang menceburi kegiatan pelaburan modal teroka bagi perusahaan kecil dan sederhana dalam sektor ICT dan teknologi.



**KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 59  
TARIKH: 10 JULAI 2014 (KHAMIS)**

## **Mavcap lantik pengerusi baharu**

**MALAYSIA** Venture Capital Management Bhd (Mavcap) semalam mengumumkan pelantikan Abdul Rahim Abdul Hamid sebagai Pengerusinya yang baharu, berkuat kuasa 1 Julai 2014.

Dalam satu kenyataan, ia berkata, ini susulan persaraan Pengerusinya sebelum ini, Tan Sri Datuk Dr Abdul Samad Haji Alias.

MAVCAP ialah sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan yang mencebur kegiatan pelaburan modal teroka bagi perusahaan kecil dan sederhana dalam sektor ICT dan teknologi.  
- Bernama